

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN R. SIVARASA
[SUBANG]**

TARIKH : 19 MEI 2015 (SELASA)

SOALAN :

YB Tuan R. Sivarasa [Subang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah keseluruhan keluarga-keluarga (mengikut pecahan negeri) yang terpaksa meninggalkan rumah-rumah mereka akibat musibah banjir terkini, usaha-usaha membaiki rumah-rumah lama mereka dan membina rumah-rumah baru, dan apakah kedudukan terkini mangsa-mangsa tersebut.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan keluarga yang dipindahkan semasa bencana banjir pada tahun lepas adalah sebanyak 136,447 keluarga. Pecahan mengikut negeri adalah seperti berikut:

NEGERI	JUMLAH KELUARGA	JUMLAH MANGSA
Kelantan	87,024	339,703
Pahang	23,389	100,690
Terengganu	15,998	62,909
Sarawak	4,475	16,490
Perak	2,875	12,066
Sabah	1,959	7,384
Johor	447	1,783
Negeri Sembilan	124	331
Perlis	80	268
Selangor	72	259
Kedah	4	13
JUMLAH	136,447	541,896

Bagi bantuan pembinaan rumah kekal baru, sebanyak 1,985 buah rumah kekal baru telah dikenal pasti perlu dibina setakat 15 Mei 2015. Dari jumlah tersebut, sebanyak 21 buah rumah kekal baru telah siap dibina, 266 buah dalam peringkat pembinaan dan 79 buah lagi dalam peringkat pra-bina. Sebanyak 1,046 buah rumah kekal baru lagi akan

dibina apabila segala urusan berkenaan status tapak diselesaikan dengan Pihak Berkuasa Negeri.

Bagi bantuan pembaikan rumah, sebanyak 6,693 permohonan untuk pembaikan rumah telah diterima setakat 11 Mei 2015. Dari jumlah tersebut, sebanyak 4,463 buah rumah telah diverifikasi layak untuk dibaiki. Sebanyak 2,540 buah rumah telah siap dibaiki, 1,120 buah rumah sedang dibaiki dan baki 803 buah lagi sedang dalam proses perolehan kerja.

Mangsa-mangsa yang kehilangan rumah dan sedang menunggu rumah kekal baru siap telah ditempatkan buat sementara waktu di rumah-rumah transit yang dibina oleh NGO dan di kem-kem Program Latihan Khidmat Negara (PLKN). Terdapat sebilangan daripada mereka yang menumpang di rumah keluarga terdekat. Selain itu, terdapat juga mangsa-mangsa yang masih tinggal di rumah mereka sementara menunggu rumah tersebut siap dibaiki.

Sekian. Terima kasih.